

**B A B**

**E M P A T**

## **BAB 4**

### **LATAR BELAKANG SEJARAH PERKEMBANGAN AL-RAHN SEBAGAI INSTITUSI PAJAK GADAI TANPA RIBA**

#### **1. PENDAHULUAN:**

Institusi Pajak Gadai Islam telah mula mendapat perhatian masyarakat Islam di Malaysia semenjak Sistem Mu'amalat Islam mula diperkenalkan dalam sistem kewangan. Walaupun masyarakat Islam sudah lama menyedari hal tersebut, tetapi belum ada usaha yang sungguh-sungguh ke arah perlaksanaannya waktu itu sehingga terdapatnya institusi tersebut di Terengganu, kemudian diikuti dengan Kelantan serta Bank Rakyat seperti yang telah dijelaskan dalam BAB 2, (7) tesis ini..

#### **2. MUASSASAH GADAIAH ISLAM TERANGGANU (MGIT) SEBAGAI INSTITUSI PAJAK GADAI TANPA RIBA:**

Sistem Pajak Gadai Islam (*al-Rahn*) yang ditubuhkan di negeri Terengganu dinamakan dengan Muassasah Gadaian Islam Terengganu, nama ringkasnya ialah MGIT.

## **(2.1) Sejarah Penubuhan MGIT.**

Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) telah ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu pada tahun 1991, dan telah memulakan operasinya pada 23hb. Januari, 1992. Idea penubuhannya sudah dibincangkan pada dasarnya dalam Perkembangan Aktiviti Majlis Agama Islam Terengganu semenjak tahun 1982, iaitu sebelum Bank Islam Malaysia ditubuhkan, tetapi tidak ada apa-apa tindakan susulan yang dibuat sehingga lahir ura-ura Skim Perbankan Tanpa Faedah mula hangat dibincang untuk dilaksanakan dalam sistem kewangan di Malaysia. Dalam kesibukan itulah sistem pajak gadai Islam (al-Rahn) di Terengganu lahir menjadi kenyataan yang sebenar seperti yang ada sekarang ini.<sup>1</sup>

Penubuhan Muassasah Gadaian Islam Terengganu dibiayaai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Terengganu, dengan modal berbayar berjumlah sebanyak RM8.5 juta. Tetapi pentadbiran dan pengurusan Muassasah Gadaian tersebut dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu sebagai aktiviti yang terletak di bawah Majlis tersebut. Penyerahan itu sesuai bagi menepati Seksyen 13 dan 14 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 (Negeri Terengganu).

Pejabat operasi Muassasah sama seperti yang didaftarkan ialah di Tingkat Bawah, Bangunan Tabung Haji, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu. Sekarang telah mempunyai cawangan di Kemaman dan Besut. Beroperasi pada setiap hari kerja, mulai jam 9.00 pagi dan ditutup jam 3.00 petang, kecuali hari Khamis yang ditutup jam 11.30 pagi.<sup>2</sup>

---

<sup>1.</sup> Temubual dengan Penolong Pengurus MGIT pada 9hb.Jun. 1993 di Pejabat MGIT, Kuala Terengganu.

<sup>2.</sup> Majlis Agama Islam Terengganu, Peraturan-Peraturan Muassasah Gadaian Islam 1991, (7. a)

Penubuhan Muassasah Gadaian Islam Terengganu adalah sebagai suatu manifestasi Majlis Agama Islam Terengganu untuk membantu rakyat. Kerana itu segala hutang atau pinjaman gadaian tidak dikenakan apa-apa caj samasekali, tidak ada apa-apa keuntungan dan bayaran yang dikenakan kepada penggadai, kecuali Muassasah Gadaian hanya ingin mengenakan bayaran borang sahaja. Ianya belum diputuskan lagi, samada borang wajar dikenakan bayaran atau tidak atas dasar bahawa penubuhan MGIT ini semata-mata bertujuan untuk membantu rakyat yang sedang kepicikan, samasekali tidak timbul pada awal penubuhannya untuk mengenakan apa-apa bayaran ke atas penggadai.

Semua pentadbiran dan pengurusannya, pegawai dan kakitangannya, kemudahan bangunan dan peralatan operasinya, adalah sebagai suatu perkhidmatan percuma yang dibekalkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu sebagai aktiviti yang lebih kepada perkhidmatan kebajikan sepenuhnya. Kerana itu perkhidmatannya hanya terbatas kepada masyarakat Islam semata-mata dan hanya daripada rakyat negeri Terengganu sahaja, seperti yang disebut dalam Peraturan-peraturan Muassasah Gadaian Islam 1991, 8. (2);

*Bayaran perkhidmatan adalah percuma. Perkhidmatan ini terbuka kepada rakyat Negeri Terengganu atau mereka yang telah bermustautin di negeri ini dan beragama Islam.*

## **(2.2) Tujuan MGIT Ditubuhkan.**

Penubuhan Muassasah Gadaian Islam Terangganu adalah mengambil semangat dan maksud Hadith;

*Sesiapa yang melepaskan seseorang Islam daripada kesukaran dunia, Allah akan melepaskannya daripada kesukaran hari Qiamat. Dan sesiapa yang memudahkan (menolong) orang dalam kesusahan, Allah akan memudahkan hidupnya di dunia dan akhirat. Allah sesungguhnya sentiasa menolong hambaNya selama hambaNya sentiasa menolong saudaranya.<sup>3</sup>*

(Riwayat: Muslim, Abu Daud dan al-Tarmidhi)

Berdasarkan kepada tuntutan Hadith tersebut, maka Majlis Agama Islam Terangganu mengambil keputusan menubuhkan Muassasah Gadaian Islam (MGIT) dengan tujuan:

(2.2.1) Untuk membantu orang-orang miskin dan susah bagi meminjam wang dengan menggadaikan barang-barang kemas mereka samada emas atau berlian di kedai-kedai pajak gadai yang urusniaganya bercanggah dengan Shari'at Islam.

(2.2.2) Untuk memberi alternatif dan sekaligus menyelamatkan umat Islam daripada kancah riba yang mencengkam mereka selama ini, terutama pada saat-saat kepicikan dan ketika mereka sangat-sangat memerlukannya. Memandangkan keadaan tersebutlah upah simpan barang (*al-Wad'ah*) dan bayaran perkhidmatan tidak dikenakan langsung ke atas mereka.

---

<sup>3</sup>. Muslim, *Sahih Muslim*, Beirut. Dar 'Ahyā' al-Turāth al-'Arabī, 1991, cet 4, jld.3, hlm 1196.

### **(2.3) Organisasi Pentadbiran dan Pengurusan MGIT.**


#### **(2.3.1) Jawatankuasa Pentadbiran MGIT.**

Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) ditadbir oleh sebuah jawatankuasa yang dibentuk oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu, mengikut Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Peraturan-peraturan Gadaian Islam 1991 yang menyebutkan;

- 3. Majlis hendaklah menubuhkan Jawatankuasa bagi maksud mentadbir perjalanan dan pengurusan Muassasah Gadaian Islam dan dalam semua perkara berhubung dengannya mengandungi;*
  - a) Yang Di Pertua Majlis atau wakilnya sebagai Pengurus;*
  - b) Mufiti; dan*
  - c) Tidak kurang daripada 5 orang ahli lain yang dilantik oleh Majlis.*

(2.3.2) Struktur organisasi Pentadbiran dan Pengurusan MGIT adalah seperti yang boleh dilihat dalam **CARTA (5)** di sebelah ini:

**CARTA (5): STRUKTUR ORGANISASI PENTADBIRAN  
& PENGURUSAN MGIT:**



**Sumber: Muassasah Gadaian Islam Terengganu.**

#### **(2.4) Akta Pajak Gadai.**

Muassasah Gadaian Islam Terengganu bergerak di bawah Akta Pajakgadai (1972) yang dikuatkuasakan di bawah kawalan Kerajaan Tempatan.<sup>4</sup> Akta Pajakgadai (1972) atau dikenali sebagai The Pawnbrokers Act 1972 adalah suatu undang-undang khusus yang mengatur dan mengawal pajakgadai di seluruh Malaysia. Ia dikuatkuasakan melalui bidang kuasa kawalan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam erti kata lain, perjalanan Muassasah terikat di bawah Akta tersebut yang pada hakikatnya dikawal oleh undang-undang yang berlandaskan kepada sistem riba yang bertentangan dengan Islam. Walaubagaimanapun, MGIT masih boleh bergerak di celah-celah Akta tersebut dengan had ruang yang masih dibolehkan, seperti menghadkan pinjaman hutang gadaian yang boleh diberi kepada penggadai dengan had minimum RM10.00 dan had maksimum RM1,500 serta tidak dikenakan apa-apa bayaran atau faedah, sedangkan Akta Pajakgadai (1972) tersebut menghadkan pinjaman mestilah tidak melebihi RM5,000 dan had kadar faedah tidak melebihi 10 peratus setahun.

Akta juga telah menghadkan faedah yang dikenakan tidak boleh melebihi 10 peratus setahun. MGIT terkecuali kerana tidak mengenakan apa-apa faedah ke atas pinjaman hutang yang diberikan kepada penggadai. Kesan Akta Pajakgadai (1972) yang paling buruk ialah membolehkan artikel yang dipajak dengan nilai RM100.00 atau kurang, bertukar milik menjadi hak pajakgadai jika tidak ditebus dalam tempoh yang dipersetujui, tetapi mengikut Timbalan Pengurusnya, MGIT tidak akan mengambil barang tersebut kecuali dengan menghantar surat peringatan terlebih dahulu. Sekiranya penggadai masih gagal menebus barangnya, MGIT akan melelongnya dan hanya akan mengambil jumlah hutang gadaian sahaja dan

bakinya yang masih tinggal akan dikembalikan kepada penggadai sebagai haknya yang wajib dikembalikan.

Untuk memudahkan pergerakan MGIT mengikut undang-undang, maka MGIT diletakkan di bawah aktiviti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu. Oleh kerana MGIT bergerak di bawah Majlis maka satu peraturan telah dibuat mengikut Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 yang dinamakan "**Peraturan-Peraturan Muassasah Gadaian Islam 1991**". Peraturan tersebut memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk membicarakan kes-kes yang timbul di bawah peraturan tersebut selain daripada kes-kes jenayah, seperti kes penggadai yang menggadaikan barang yang dicuri. Peraturan-peraturan Muassasah Gadaian Islam (1991) 24, telah menyebutkan bidangkuasa Hakim Shar'i sebagai berikut;

*Walau apa pun peruntukan mana-mana peraturan-peraturan bertulis yang berlawanan, sesuatu Mahkamah Shar'iah atau Hakim Shar'i adalah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan secara terus apa-apa kesalahan di bawah peraturan ini dan untuk menjatuhkan hukuman sepenuhnya bagi sesuatu kesalahan itu.*

#### **(2.5) Syarat-syarat barang gadaian (*al-marhūn*).**

Untuk melicinkan kerja-kerja pentadbiran dan menjamin keselamatan barang-barang gadaian, MGIT menggariskan syarat-syarat barang gadian tersebut mestilah:

(2.5.1) Buat sementara ini, barang-barang gadaian (*al-marhūn*) dihadkan kepada barang-barang emas dan berlian sahaja.

(2.5.2) Penggadai dikehendakki mengemukakan surat akuan barang yang hendak disandarkan. Jika tiada hendaklah menandatangani borang ikrar tentang kesahihan milikan ke atas *marhūn* (lihat **Lampiran (3)**: Borang MGIT:003, "**Pengakuan Milikan *Marhūn***")

(2.5.3) Syarat-syarat lain yang dikehendakki mengikut budi bicara juru nilai berdasarkan hukum *al-Rahn* dalam fiqh Mu'amalat Islam, seperti barang tersebut mestilah barang asli yang bernilai dan berharga seperti emas dan berlian yang telah ditetapkan buat sementara ini.

(2.5.4) MGIT tidak menerima gadaian kedua selagi gadaian pertama masih ada atau belum ditebus.

(2.5.5) Hanya 75 peratus sahaja had tertinggi dari nilai marhūn yang digadai dibenarkan untuk diberi kepada penggadai, tetapi jumlah hutang diberikan tidak boleh melebihi daripada RM1,500.00, mana yang terendah.

(2.5.6) MGIT akan mengeluarkan "**Surat Akuan Gadaian**" ke atas setiap *marhūn* untuk disimpan oleh penggadai, dan penggadai dikehendakki menunjukkannya ketika hendak menebus *marhūn* yang disandarkannya itu. (lihat **Lampiran (4)**: Borang MGIT 002: "**Surat Akuan Gadaian**")

## **(2.6) Syarat-syarat Penggadai.**

Muassasah Gadaian Islam Terengganu telah menetapkan syarat-syarat setiap orang yang hendak berurusniaga gadaian dengannya mestilah:

- 1) Seorang Muslim, rakyat Terengganu atau yang telah bermustautin di negeri Terengganu.
- 2) Umur penggadai tidak kurang daripada 18 tahun.
- 3) Mempunyai kewarasan berfikir, tidak mabuk dan tidak dipaksa menggadai, mempunyai kerelaan dan memberi persetujuan yang sah.
- 4) Melakukan aqad melalui sighah yang telah ditentukan dalam borang MGIT: 001 dan menandatanganinya (lihat **Lampiran (5)**: Borang MGIT: 001 borang "**Lejar Kawalan Gadaian**" dengan sighah seperti berikut;<sup>5</sup>

*I) Saya pertaruhkan barang ini kepada tuan untuk cagaran hutang saya yang saya terima daripada tuan.*

*II) Saya setuju menanggung bayaran perkhidmatan lelongan apabila tindakan demikian dikehendakki.*

---

<sup>5</sup>. MGIT, *Borang MGIT:001, LEJER KAWALAN GADAIAN.*

## **(2.7) Syarat-syarat Jualan Lelongan.**

MGIT telah menentukan had maksima tempoh gadaian tidak melebihi 3 bulan (lihat **Lampiran (6)**: Borang MGIT: 004, "**Notis Penebusan Marhūn**"). Walaubagaimanapun, penggadai boleh memohon untuk melanjutkan tempoh gadaian (lihat **Lampiran (7)**: Borang MGIT: 005, "**Permohonan Lanjutan Tempoh Menebus**"), MGIT boleh melanjutkan tempoh gadaian selama tidak lebih daripada tiga bulan. Selepas tamat enam bulan, maka satu notis selama empat belas hari akan diberikan kepada penggadai, samada hendak membeli marhun itu atau mencari seseorang pembeli untuknya. (lihat **Lampiran (8)**: Borang MGIT:006, "**Notis Pembelian Balik/Mencari Pembeli Marhūn**")

Jika dalam masa empat belas hari itu, penggadai gagal membeli atau mencari pembeli bagi pihaknya, maka barang gadaian (marhūn) akan dijual secara lelong oleh pelelong berlesen yang dilantik oleh MGIT. Kos lelongan akan ditanggung oleh penggadai seperti dalam surat pengakuan yang telah ditandatanganinya dahulu. Harga lelongan akan ditolak hutang gadaian (marhūn biki) yang telah diberi kepada penggadai serta dengan kos lelongan. Baki daripada tersebut, sekiranya masih ada lebihan akan dipulangkan kepada penggadai dan penggadai akan diberitahu supaya menuntut wang lebihan itu dalam tempoh empat bulan selepas jualan atau lelongan dibuat. (lihat **Lampiran (9)**: Borang MGIT: 007, "**Makluman Mengenai Lebihan Wang Jualan/Lelongan**")

### **(2.8) Rekod Pertumbuhan Urusniaga MGIT.**

Semenjak perkhidmatan MGIT dimulakan, MGIT berjaya membantu ramai umat Islam dalam memberikan pinjaman atas prinsip hukum al-Qard al-Hasan dan al-Rahn, seperti yang dapat dilihat dalam jadual berikut ini:

Tahun	Jumlah Penggadai	Jumlah Pinjaman
1992	13,732 orang	RM9,852,988.00
1993	26,420 orang	RM16,479,370.00
1994 (April)	10,565 orang	RM11,180,070.00

**Sumber: Muassasah Gadaian Islam Terengganu**

Ternyata jumlah umat Islam yang sangat-sangat memerlukan bantuan pinjaman begitu tinggi. Penyata tahunan sekalipun tidak lengkap untuk dibuat penilaian, tetapi cukup untuk menunjukkan peningkatan yang di luar dugaan. Inilah hakikat yang berlaku kepada umat Islam selama ini dalam urusniaga pinjaman riba, melalui pajakgadai swasta yang terlalu zalim dan menindas golongan orang-orang miskin yang sedang kepicikkan.

Sekalipun penggadai-penggadai dikategorikan sebagai golongan yang menghadapi keadaan kepicikkan yang sangat memerlukan, namun tanggungjawab mereka kepada membayar semula hutang (marhiūn bihī) yang mereka pinjam daripada MGIT adalah sangat mengharukan, kerana sejumlah besar mereka berusaha membayar dan menebus barang gadaian mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan. Hanya segelintir sahaja yang masih benar-benar tidak mampu.

Pada tahun 1992, daripada 13,732 orang penggadai hanya 78 orang sahaja yang gagal menebus barang mereka dalam tempoh yang dihadkan, iaitu melibatkan jumlah pinjaman RM53,420.00. Tahun 1993 pula daripada 26,420 orang penggadai hanya 115 orang yang gagal menebus barang gadaian mereka, melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM83,410.00. Semua kes tersebut telah diselesaikan melalui jualan atau lelongan.

### **3. SISTEM GADAIAN ISLAM (AL-RAHN) KELANTAN SEBAGAI INSTITUSI PAJAK GADAI TANPA RIBA:**

#### **(3.1) Sejarah Penubuhan.**

Sistem Gadaian Islam Negeri Kelantan, nama ringkasnya ialah "AL-RAHN", telah ditubuhkan pada tahun 1991. Al-Rahn Kelantan menghadapi kesulitan bagi mendapatkan kelulusan untuk beroperasi pada tahun tersebut atas sebab-sebab yang tidak diketahui, sehinggalah ia dibenarkan untuk beroperasi dengan modal berbayar sebanyak RM3.0 juta pada 17hb. Mac, 1992, iaitu selepas Muassasah Gadaian Islam Terengganu memulakan operasinya, dan telah dirasmikan pada 28hb. November, 1993 oleh Tuan Guru Nik Abd. Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan.<sup>6</sup>

Sebelum itu, beberapa orang pakar ekonomi dan bank telah berusaha setelah mendapat mandat daripada kerajaan Kelantan yang mengarahkan supaya al-Rahn Kelantan ditubuhkan. Pada tahun 1991, Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah yang berteraskan konsep Islam sebagai al-Din di bawah pimpinan YAB

---

<sup>6.</sup> Soalselidik dan Temubual dengan Pengurus Al-Rahn, Tuan Hj. Abd. Adzis Md. Shariff, di Pejabat Al-Rahn, Kota Bharu, Kelantan, pada 12hb. Jun, 1994.

Tuan Guru Hj. Nik Abd. Aziz Nik Mat, telah memberi mandat kepada Permodalan Kelantan Berhad untuk merangka satu sistem gadaian yang berlandaskan Shari'ah Islam, selaras dengan usaha Kerajaan untuk merombak sistem pajak gadai konvensional riba yang bertentangan dengan lunas-lunas Islam, termasuklah usaha-usaha menghapuskan segala aktiviti riba, judi dan arak daripada seluruh negeri Kelantan.

Dengan mandat tersebut, Pengarah Eksekutif Permodalan Kelantan Berhad Tuan Haji Aziz bin Nawi serta Tuan Hj. Abd. Adzis Md. Shariff yang dilantik menjadi Pengurus al-Rahn yang pertama, telah bekerja keras untuk merangka satu Sistem Pajak Gadai Islam (al-Rahn) Negeri Kelantan. Satu penyelidikan yang serius dan kajian yang teliti melalui badan-badan seperti Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Jabatan Hal Ehwal Majlis Agama Islam Kelantan (JHEMIK), Majlis Fatwa Kelantan, para ulama, cendekiawan dan profesional serta penyelidikan yang rapi, maka lahirlah Sistem Gadaian Islam (al-Rahn) Kelantan. Kemudian dikenali dengan al-Rahn sahaja.

Mula-mula beroperasi di sebuah kedai yang disewa di Wisma Suara Muda, Kota Bharu, Kelantan dengan enam orang kakitangan sahaja. Pada permulaan operasi al-Rahn menerima di antara 50 hingga 80 orang penggadai sehari. Tetapi apabila pelanggan mula meningkat 180 hingga 200 orang sehari, maka kedai menjadi penuh sesak dan tenaga kakitangan terpaksa ditambah menjadi 9 orang, serta seorang pengurus baru En.Wan Mohd. Shariff Wan Musa telah dilantik menggantikan pengurus yang pertama untuk memantapkan lagi perkhidmatan al-Rahn kepada pelanggan. Modal pusingan juga telah berkembang dari RM3.0 juta kepada RM9 juta. Pelanggannya terbuka kepada seluruh rakyat negeri Kelantan, tanpa membataskan kepada orang-orang Islam sahaja bahkan meliputi juga

masyarakat yang bukan Islam dengan urusniaga yang tidak ada apa-apa perbezaan agama dan bangsa.

Pada 28hb. Ogos, 1993, al-Rahn telah berpindah ke kedai di bawah bangunan miliknya sendiri dengan kemudahan dan kelengkapan sistem berkomputer untuk memberi perkhidmaatan yang memuaskan dan selesa dengan motto al-Rahn; "KESEJAHTERAAN ANDA ADALAH MATLAMAT KAMI".

### (3.2) Tujuan Al-Rahn Kelantan Ditubuhkan.

Tujuan al-Rahn ditubuhkan adalah untuk menyediakan satu perkhidmatan kepada masyarakat dengan berasaskan semangat tolong menolong (al-Ta'awun), supaya golongan lemah dapat dibantu dengan cara yang halal demi melahirkan sosio ekonomi yang saksama dan adil, sesuai dengan perintah Allah dalam firmanNya yang bermaksud;

*Bertolong bantulah kamu dalam kerja kabajikan dan taqwa, dan janganlah kamu bertolong bantu dalam kerja-kerja dosa dan permusuhan.<sup>7</sup>*

Al-Rahn ditubuhkan untuk menjadi perintis kepada program perekonomian Islam di Negeri Kelantan, sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk "Membangun Bersama Islam" dengan menyediakan khidmat gadaian tanpa riba kepada rakyat negeri Kelantan.

Menteri Besar Kelantan dalam perasmianya menyatakan, firman Allah (Surah al-Baqarah, ayat:275) menjelaskan; betapa buruknya gambaran orang yang

---

<sup>7</sup>. Surah al-Mâ'idah, ayat 2.

makan riba apabila dibangkitkan dari kuburnya. Maka kerana itu Sistem Pajak Gadai Islam (*al-Rahn*) ini dirangka dan ditubuhkan, adalah dengan tujuan untuk menjadikan alternatif kepada sistem gadaian konvensional yang bertentangan dengan lunas-lunas Islam.

Di samping itu, Penubuhan *al-Rahn* adalah bertujuan untuk menghapuskan segala punca kezaliman di dalam masyarakat, termasuklah amalan gadaian riba yang memeras orang-orang miskin, seterusnya membawa masyarakat ke arah porak peranda. Sistem gadaian hari ini, kata Tuan Guru; "Jelas wujudnya eksplotasi dan penindasan terhadap orang yang menghajatkan pertolongan, sedangkan mereka perlu dibantu, sebaliknya sistem gadaian riba telah menghisap darah saudara mereka sendiri, hilanglah rasa persaudaraan. Kerajaan berusaha merombak dan membuktikan Islam adalah rahmat kepada manusia, baik dari sudut politik, perundangan, ekonomi dan kewangan. Penubuhan *al-Rahn* membawa hasrat untuk menggantikan semua pajak-pajak gadai yang sedia ada, sehingga punca-punca penindasan tidak lagi wujud dalam masyarakat Serambi Mekah ini".<sup>8</sup>

### **(3.3) Akta dan Lesen Pajak Gadai..**

*Al-Rahn* Kelantan bergerak di bawah Akta Pajak Gadai (1972) di celah-celah peraturan yang sedia ada dengan mengubahsuaikan pergerakannya dalam operasi menurut prinsip-prinsip Islam. Akta Pajak Gadai 1972 (Akta 81) sebahagian besarnya tidak mempunyai percanggahan dengan Islam, kecuali dalam beberapa peruntukan tertentu seperti seksyen 17, tentang kadar faedah yang menetapkan 3 peratus sebulan untuk pinjaman tidak lebih daripada RM10.00, 2 peratus sebulan untuk pinjaman RM11.00 hingga ke RM50.00 dan 1.5 peratus

---

<sup>8.</sup> Permodalan Kelantan Bhd., *Buku Cenderamata Perasmian Al-Rahn*, 1993.

sebulan untuk pinjaman RM51.00 ke atas. Penetapan kadar faedah berdasarkan masa seperti yang tersebut itu adalah bertentangan dengan hukum Islam.

Dalam Seksyen 23 Akta Pajak Gadai 1972 juga terdapat percanggahan dengan hukum Islam tentang kes kegagalan penggadai menebus barang gadaian maka barang tersebut akan menjadi hak milik pemegang gadaian jika ianya digadai kurang daripada RM100.00, sekiranya lebih dari RM100.00 maka barang tersebut akan dilelong, sedangkan Seksyen 25 (1) menghendakki pengusaha pajak gadai hendaklah memberitahu peminjam melalui pos berdaftar dalam tempoh seminggu, tindakan tersebut memberi kesempatan kepada peminjam untuk berunding dan menebus barang gadaianya. Selain daripada itu, dalam tempoh 4 bulan dari tarikh lelongan dibuat, peminjam diberi hak untuk memeriksa catitan harga lelong di dalam Buku Rekod Pajakgadai. Peminjam boleh menuntut wang lebihan harga lelong dari pengusaha pajakgadai. Tetapi keadaan penyelewengan dan penindasan tersebut terus berlaku ke atas peminjam, sehingga peminjam sentiasa ditindas dan dinafikan haknya untuk menuntut baki lelongan setelah ditolak hutangnya.

Al-Rahn tidak dikira bercanggah dengan Akta Pajakgadai 1972 di atas dengan tindakannya tidak mengambil faedah di atas pinjaman gadaian yang diberikannya itu. Al-Rahn juga tidak bercanggah dengan Akta Pajakgadai 1972 yang tersebut di atas, bila ia memberi tempoh lanjutan selama 6 bulan untuk penggadai menebus barang yang digadainya itu. Al-Rahn hanya bertindak melelong barang gadaian sebagai jalan terakhir apabila penggadai sudah diberi peluang dalam tempoh 3 bulan serta gagal untuk menebusnya setelah 3 kali peringatan dikeluarkan, penggadai masih diberi peluang untuk mencari orang lain untuk membeli barang gadaianya itu bagi pihaknya, setelah cara tersebut masih juga gagal barulah al-Rahn bertindak melelong barang gadaian tersebut.

Lesen pajakgadai adalah di bawah kuasa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Permohonan lesen pajakgadai hendaklah terlebih dahulu memohon pengesahan sebagai sesuai untuk menerimanya. Perakuan tersebut hanya boleh dikeluarkan oleh seorang pegawai polis yang berpangkat Penolong Pengusa Polis atau yang lebih tinggi, atau Ketua Pegawai Polis Daerah, di mana pemohon itu tinggal. Selepas pengesahan itu diperolehi barulah permohonan lesen itu boleh dibuat kepada pegawai perlesenan yang dilantik oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Pegawai Pemeriksa Pajakgadai di setiap negeri seperti yang diperuntukan dalam Akta Pajakgadai 1972, Seksyen 10(2).

Di Kelantan, hanya 10 lesen sahaja dikeluarkan untuk seluruh kawasan di negeri Kelantan. Lesen tersebut dikeluarkan hanya 3 tahun sekali melalui tender. al-Rahn terpaksa memohonnya melalui tawaran tender yang dikeluarkan itu. Lesen pajakgadai yang terpaksa dibayar oleh al-Rahn adalah sebanyak RM7,000.00 sebulan, iaitu lebih mahal dari lesen sebuah bank yang hanya dikenakan RM5,000.00 setahun. Urusan perlesenan pajakgadai ditentukan di bawah seksyen 7 dan 10, Akta Pajakgadai 1972.

#### **(3.4) Rukun Dan Syarat Al-Rahn Kelantan.**

Sekalipun al-Rahn bergerak di bawah Akta Pajakgadai 1972 yang tidak berlandaskan Islam, tetapi operasinya tidaklah pula berjalan menumpang di bawah aktiviti kegiatan Majlis Agama Islam Kelantan, sebagai salah satu jalan keluar daripada kongkongan Akta Pajakgadai 1972, seperti yang dilakukan oleh Muassasah Gadaian Islam Terengganu. Keputusan tersebut dibuat untuk tidak terikat dan tidak bergantung dengan Kerajaan yang ada. Kaedah perjalanan al-

Rahn Kelantan juga adalah berlandaskan perniagaan yang memakai prinsip-prinsip hukum al-Rahn dalam Fiqh Mu'amalat Islam.

Al-Rahn Kelantan telah menentukan beberapa syarat dan rukun ke atas operasi urusniaganya seperti Rukun-rukun dan syarat-syarat yang sesuai dengan hukum-hukum al-Rahn yang ada dalam fiqh Mu'amalat Islam, supaya Sistem Gadaian Islam tetap berlandaskan lunas-lunas Islam. Setiap permasalahan yang timbul dari sudut hukum akan dirujuk kepada hukum-hukum al-Rahn dalam fiqh Mu'amalat Islam. Berdasarkan prinsip tersebut al-Rahn Kelantan menetapkan operasinya mestilah:<sup>9</sup>

#### (3.4.1) Penggadai (al-Rahn):

Al-Rahn iaitu orang yang menggadaikan barang, mestilah memenuhi syarat-syarat sebagai seorang penggadai yang boleh diterima mengikut Shara'. Seorang yang hendak menggadaikan barang mestilah baligh dan berakal. Untuk memenuhi kehendak Akta pajakgadai, al-Rahn mensyaratkan seseorang yang hendak menggadaikan barang mestilah berumur tidak kurang daripada 18 tahun ke atas, batasan umur ini tidaklah bercanggah dengan syarat baligh, kerana umur tersebut memang dalam peringkat umur baligh. Di samping waras akal fikirannya, tidak gila, tidak mabuk dan tidak dipaksa, atau tidak ditahan dari mengendalikan hartanya dengan sebab membazir.<sup>10</sup>

<sup>9</sup> Hasil temubual dengan Pengurus Al-Rahn, pada 12hb. Jun, 1994, serta *Borang Soalselidik Al-Rahn, Kelantan dan Kertas Seminar al-Rahn*, anjuran Persatuan Ulama Malaysia, di Hotel subang Merlin, Subang Jaya, pada 13hb. Nov, 1993.

<sup>10</sup> al-Bajūrī, *Ḥashīyah al-Bajūrī cAlā Ibn Qāsim*, (S'pore: Sulaimān Marṣī, t.t.), juz.1, hlm.360; Abd. Rahmān al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh cAlā al-Madħāhib al-Arba'ah*, (Qāherah: Maktabah al-Tijāriyyah al- Kubra, t.t.), Jil.2, cat.6, hlm.319-320.

Begini juga penerima gadaian, syaratnya sama dengan orang yang menggadai. *Al-Rahn* tidak mensyaratkan seorang pengadai atau pengusaha gadaian itu mestilah terdiri daripada orang-orang Islam, kerana gadaian *Al-Rahn* Kelantan adalah mengikut kaedah perniagaan, Rasulullah s.a.w. pernah menggadaikan baju besi beginda kepada seorang kafir Yahudi, seperti Hadith riwayat Bukhari dan Muslim yang maksudnya;

*Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah membeli makanan daripada seorang Yahudi (Abu al-Shahmi) dengan menggadaikan kepadanya akan baju besinya.<sup>11</sup>*

#### (3.4.2) Barang-barang Gadaian (*al-Marhūn*):

*Al-Marhūn* ialah barang yang digadaikan, ia hendaklah terdiri daripada benda yang boleh dijual, dimiliki oleh penggadai atau diberi kuasa dan keizinan untuk menggadaikannya. Barang gadaian tersebut mestilah yang berharga dan bernilai tetap, tidak mudah rosak, benda yang suci pada zatnya dan halal pada hukum Shara<sup>c</sup>, bukan barang yang dicuri, menjadi milik yang sempurna dan jelas sifatnya, kualiti dan kuantitinya.<sup>12</sup> Buat masa ini Sistem Gadaian *al-Rahn* Kelantan, menetapkan hanya barang kemas daripada emas tulin sahaja boleh diterima sebagai barang gadaian, kerana emas memenuhi syarat-syarat seperti yang tersebut itu.

Barang-barang tersebut akan disimpan oleh *al-Rahn* Kelantan sebagai suatu amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya, keselamatan barang berharga

<sup>11</sup>. Bukhārī, *Sahīh Muslim*, Beirut: Dar al-Qalam, 1987, jld.2, hlm.293,  
*Matan al-Bukhārī*, Misr: Dar 'Alīya' al-Kutub al-'Arabiyyah, (t.t.),  
jld.1, hlm.24.

<sup>12</sup> Abd. Rahmān, Al-Jazīrī, *Kitāb al-Fiqh cAlā Madhāhib al-'Arba'ah*, Jil.2,  
hlm.166, 328 & 329

tersebut adalah menjadi tanggungjawab penuh kepada *al-Rahn*. Suatu sistem keselamatan yang kebal dan penjagaan yang kukuh dan rapi terpaksa dilakukan untuk memastikan bahawa barang-barang kemas tersimpan dalam keadaan selamat. Kedudukan kedai tempat operasi dan suasana urusniaga sentiasa diambil berat demi untuk mejaga keselamatan barang amanah tidak hilang atau dicuri. Kakitangan juga sentiasa diarah mengikut disiplin dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Al-Rahn. Tidak semua kakitangan dibenarkan masuk ke bilik sulit atau bilik kebal tempat diletakkan peti besi keselamatan.

Maka atas dasar betapa beratnya tanggungjawab menyimpan barang-barang amanah yang sangat berharga itu, *Al-Rahn* terpaksa mengenakan upah menyimpan barang mengikut hukum al-Wadi'ah seperti yang ada dalam hukum Mu'amalah. Upah itu sahajalah kadar keuntungan yang diperolehi oleh *Al-Rahn* sebagai sumber kewangannya untuk membiayai operasi urusniaga, pentadbiran dan pengurusan pejabatnya. Seakalipun upah simpan tersebut tidak seimbang dengan kos sebenar yang lebih tinggi, tetapi ia mampu menyediakan urusniaga dan perkhidmatan terus beroperasi. Upah yang ditetapkan oleh Al-Rahn adalah seperti berikut:<sup>13</sup>

#### **Kadar Upah Menyimpan Barang Gadaian (tempoh sebulan):**

Nilai Barang (RM)	Kadar Upah Bulanan (Bagi Setiap Nilai RM100.00)
<b>RM 400 - ke bawah</b>	<b>0.75 sen</b>
<b>RM 401 - RM2,000</b>	<b>0.90 sen</b>
<b>RM2,000 - RM10,000</b>	<b>1.00</b>

**Sumber: Sistem Gadaian Islam Kelantan (*Al-Rahn*).**

13

Temubual dengan Pengurus Al-Rahn, Kelantan pada 12hb. Jun, 1994 dan Borang Soalselidik *Al-Rahn*, Kelantan.

### **(3.4.3) Aqad Gadaian:**

Penggadai mestilah melafazkan aqad gadaian. Seseorang yang hendak menggadaikan barang gadaianya dikehendakki mengisi borang yang telah disediakan oleh Al-Rahn dengan mengenakan bayaran 50 sen. Melalui borang tersebut, penggadai dikehendakki melafazkan aqad (*ijāh*) sebagai tanda penyerahan barang gadaianya kepada Al-Rahn Kelantan, seperti yang dikehendakki oleh Shara<sup>c</sup>. Pihak Al-Rahn Kelantan akan melafazkan aqad (*qabūl*) sebagai tanda penerimaan barang gadaian tersebut. Hukum gadaian hanya akan berkuatkuasa setelah barang gadaian diterima oleh Al-Rahn, dan wang pinjaman pula diterima oleh penggadai.

### **(3.4.4) Wang Pinjaman (Al-Marhūn bih):**

Al-Marhūn bih iaitu hutang yang diterima oleh penggadai dengan menggadaikan barangnya. Ia disyaratkan mestilah jelas jumlah kadarnya, bersifat lazim atau tetap. Hutang tersebut mestilah sabit seperti sabitnya barang cagaran yang diserahkan sebagai gadaian. Sistem Gadaian Islam Al-Rahn Kelantan telah menetapkan jumlah had maksima pinjaman yang boleh diberikan kepada penggadai sebanyak RM5,000.00 sahaja, iaitu 50 peratus daripada kadar nilai harga barang yang digadaikan. Sekiranya penggadai hendak meminjam sebanyak RM5,000.00, iaitu jumlah pinjaman paling tinggi, maka penggadai hendaklah mencagarkan barang gadaianya bernilai RM10,000.00.<sup>14</sup>

---

<sup>14</sup> Borang Soalselidik Al-Rahn, Kelantan.

### **(3.4.5) Tempoh Pinjaman Dan Notis Bayaran.**

Tempoh pinjaman tidak lebih dari 6 bulan. Apabila cukup tempoh, seseorang penggadai dikehendakki membayar balik pinjaman yang diberikan oleh *Al-Rahn* mengikut jumlah yang asal. Tidak ada faedah dikenakan ke atas pinjaman yang diberikan itu kerana pinjaman diberikan kepada penggadai atas dasar pinjaman tanpa faedah riba, iaitu mengikut hukum *al-Qard al-Hasan*, atau pinjaman ihsan atau kebajikan, tanpa mengenakan apa-apa keuntungan, semata-mata untuk menolong mereka yang sedang menghadapi masalah kewangan.

Sekiranya penggadai gagal untuk menebus barangnya, atau membayar pinjaman gadaian yang diterimanya daripada Al-Rahn dahulu, maka Al-Rahn akan menghantar surat peringatan sebanyak 3 kali dalam tempoh tidak lebih daripada 3 bulan, jika dalam tempoh tersebut penggadai dapat menjelaskan hutang pinjamannya itu, maka tidak ada denda dikenakan atas kelewatan tersebut.<sup>15</sup>

Setelah surat pertama, surat kedua dan surat notis terakhir dihantar kepada penggadai, penggadai masih tidak mampu untuk menebus kembali barang gadaianya itu, maka Al-Rahn tidak ada jalan lain kecuali menjual barang gadaian tersebut melalui lelongan awam (pelelong berlesen) mengikut Akta Pajakgadai 1972. Tindakan tersebut tidak bertentangan dengan kaedah hukum Islam yang mengharuskan menjual barang gadaian untuk menyelesaikan hutang pinjaman yang tidak dapat dibayar oleh penggadai. Setelah ditolak hutang, dan kos lelongan, maka baki harga lelongan akan dipulangkan kepada penggadai.<sup>16</sup>

---

15. Temubual dengan Pengurus Al-Rahn, Kelantan, pada 12hb. Jun, 1994

16. al-Zuhailī, Dr., op.cit., juz 5, hlm.260-261

### (3.6) Prestasi *Al-Rahn*.

*Al-Rahn* jika dilihat dari sudut perniagaan (*trading*) maka ia merupakan Sistem Gadaian Islam yang pertama dan terulung di Malaysia, telah berjaya menjalankan Sistem Pajak Gadai Islam dalam persaingan dunia perniagaan dengan sistem gadaian konvensional yang berteraskan riba.

Modal pusinganya telah berkembang dari RM2 juta kepada RM9 juta. Purata pinjaman tanpa riba yang telah dikeluarkannya setiap hari tidak kurang daripada RM60,000.00. Sambutan orang ramai tanpa mengira agama dan bangsa di luar dugaan samasekali, tinjauan yang telah dibuat sewaktu urusniaga dijalankan, keadaan penuh sesak bermula dari waktu dibuka pada waktu pagi hingga sampai jam 3.00 petang waktu ditutup. Dalam tahun 1992, *Al-Rahn* telah mengeluarkan pinjaman tanpa faedah kepada peminjam gadaianya seramai 27,000 orang, serta melibatkan pinjaman berjumlah sebanyak RM13 juta. Dalam tahun 1993 pula, *Al-Rahn*, Kelantan telah memberikan pinjaman kepada seramai 65,000 orang pelanggan, serta melibatkan pinjaman tanpa riba yang dikeluarkan kepada mereka sebanyak RM29 juta.<sup>17</sup>

Sistem Gadaian Islam *Al-Rahn* Kelantan adalah baru sahaja ditubuhkan pada 1993, tetapi sistem operasi yang dijalankannya telah menarik perhatian penyelidik yang datang dari berbagai agensi, seperti pusat-pusat pengajian tinggi, bank-bank dan institusi kewangan, termasuk bahagian Unit Mu'amalat Bank Negara Malaysia. Sistem Gadaian Islam yang dijalankan di Bank Rakyat juga, adalah hasil tinjauan dan kajian yang dibuat kepada Sistem Gadaian Islam *Al-Rahn*

---

<sup>17</sup> Soalselidik Al-Rahn, Kelantan dan *Buku Cenderamata sempena Majlis Perasmian Al-Rahn, Kelantan*. 28hb. November, 1993

Kelantan. Kini *Al-Rahn* telah meluaskan perkhidmatannya dengan menubuhkan dua lagi cawangannya di Kelantan. Permodalan Kelantan Berhad mempunyai rancangan untuk mengadakan rangkaian *al-Rahn* di setiap jajahan di Negeri Kelantan di masa-masa akan datang.

#### **4. KESIMPULAN:**

Dengan perkembangan yang baik dan prestasi kewangan *Al-Rahn* yang kukuh, hasil sambutan orang ramai, tanpa mengira agama dan bangsa, maka kita mempunyai keyakinan bahawa Sistem Gadaian Islam *AL-RAHN*, Kelantan itu mampu menjadi sebuah institusi kewangan Islam di samping syarikat-syarikat kewangan Islam, Bank Islam Malaysia Berhad dan bank-bank yang menjalankan Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF).

Kedudukan *Al-Rahn* Kelantan itu, menjadikannya sebagai sebuah institusi yang layak dan diakui, boleh memberikan perkhidmatan pinjaman dan pembiayaan tanpa riba di Malaysia, seperti yang sedang kita bincangkan dalam desrtasi ini. Penulis menyarankan agar lebih banyak lagi rangkaian *Al-Rahn* patut diwujudkan di seluruh negeri Kelantan kerana sambutan yang sangat menggalakkan dari kalangan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Walaubagaimanapun pihak-pihak berkenaan diharap dapat memberi laluan di atas segala halangan yang ada.

Sekiranya institusi *al-Rahn* ini benar-benar ingin dilihat sebagai institusi pajak gadai tanpa riba yang berdaya maju, maka Akta Pajakgadai Islam al-Rahn perlu difikirkan, supaya tidak terikat dengan urusniaga riba di bawah Akta

Pajakgadai (1972), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Perlesenan pajakgadai di bawah seksyen 7 dan 10, Akta Pajakgadai 1972 menetapkan sewa RM7,000.00 sebulan dan hanya 10 lesen boleh dikeluarkan untuk seluruh Kelantan adalah suatu peraturan yang tidak memberikan laluan kepada *Al-Rahn* untuk bergerak bagi melaksanakan tuntutan Mu'amalat Tanpa Riba yang telah dilancarkan oleh Kementerian Kewangan.

Setakat ini sistem pajak gadai Islam *al-Rahn*, dilihat berjalan atas dua prinsip hukum. Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) berjalan berdasarkan prinsip *al-Rahn* dan *al-Qard al-Hasan*. Berbeza dengan *al-Rahn*, Kelantan yang menggunakan prinsip *al-Rahn* dan *al-Wadiah*. Kedua-duanya boleh berjalan, tetapi kos perjalanan MGIT terpaksa ditanggung oleh Majlis Agama Islam Terengganu untuk membayar segala gaji kakitangannya, kos operasinya dan bangunannya yang besar.

Sekiranya Bank *al-Qard al-Hasan* dapat diwujudkan yang tujuannya sama dengan pajak gadai Islam *al-Rahn*, maka suatu sistem pentadbiran dan perbelanjaan kewangannya, boleh dilaksanakan oleh bank tersebut. Bank *al-Qard al-Hasan* yang menjalankan pinjaman tanpa riba boleh digabung dengan menawarkan produk *al-Rahn* dengan baik dan sempurna hanya dengan urusniaga kewangan dan pelaburan bank itu sendiri, tanpa kos yang tinggi yang terpaksa dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Terengganu. Adapun dengan keperluan modal boleh terus dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Terengganu, terutama harta zakat dari kumpulan al-gharimin yang tujuannya untuk membantu mereka-mereka yang dalam kesesakan dan memerlukan bantuan kewangan segera. Dengan itu, urusniaga pajak gadai MGIT boleh diperluaskan dengan tidak hanya terbatas

kepada umat Islam dan rakyat negeri Terengganu sahaja, tetapi dapat dinikmati oleh semua rakyat di negeri Terengganu.

Al-Rahn, Kelantan mampu bergerak sendiri tanpa kos dari mana-mana pihak. Sistemnya yang berlandaskan prinsip al-Wad'ah iaitu mengambil upah simpan ke atas barang gadaian, adalah mampu mengeluarkan kos operasi pentadbirannya sendiri tanpa sumber dan bantuan lain. Kaedah ini dipakai oleh Bank Rakyat Malaysia dalam menjalankan produk al-Rahn di Bank tersebut, kerana sistem yang dilaksanakan adalah mengambil Sistem Gadaian Islam (al-Rahn), Kelantan. Sekiranya al-Rahan, Kelantan dapat menujuhkan Bank al-Qard al-Hasan dan menjalankan dua produk yang berdasarkan al-Rahn dan al-Qard al-Hasan yang tujuannya satu, iaitu memberikan pinjaman tanpa riba, adalah pasti ia merupakan suatu institusi pinjaman tanpa riba yang terulung dan berdaya maju.

Institusi al-Qard al-Hasan dan al-Rahn adalah bebas untuk melaburkan atau menjalankan urusniaga kewangannya supaya mendapatkan keuntungan yang halal bagi membiayai operasinya. Maka dengan itu institusi al-Qard al-Hasan dan al-Rahn harus membuat pelaburan bagi tujuan untuk menambah pendapatan atau menjalankan usahaniaga bagi mencari keuntungan dan membolehkan operasi al-Qard dan al-Rahn secara lebih besar dan mantap.